JUZU' KE-29

SURAH AL-MA'AARIJ

SURAH KE

70

سُورَةُ المَعَارِج

SURAH AL-MA'AARIJ

Surah Darjah-darjah Ketinggian

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

44

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

سَأَلَ سَآئِلُۢ بِعَذَابٖ وَاقِعٖ ١

لِّلۡكَٰفِرِينَ لَيۡسَ لَهُۥ دَافِعٞ ٢

مِّنَ ٱللَّهِ ذِي ٱلۡمَعَارِجِ ٣

تَعۡرُجُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ إِلَيۡهِ فِي يَوۡمٖ كَانَ مِقۡدَارُهُۥ خَمۡسِينَ أَلۡفَ سَنَةٖ ٤ فَٱصۡبِرۡ صَبۡرٗا جَمِيلًا ٥

إِنَّهُمۡ يَرَوۡنَهُۥ بَعِيدٗا ٦ وَنَرَىٰهُ قَرِيبٗا ٧

يَوۡمَ تَكُونُ ٱلسَّمَآءُ كَٱلۡمُهۡلِ ٨

وَتَكُونُ ٱلۡجِبَالُ كَٱلۡعِهۡنِ ٩

وَلَا يَسۡـَٔلُ حَمِيمٌ حَمِيمٗا ١٠

"Seorang pemohon telah memohon ditimpakan 'azab (Qiamat) yang tetap akan berlaku(1). Ke atas orang-orang kafir yang tiada seorang pun dapat menolakkannya (2). Iaitu 'azab dari Allah yang mempunyai darjah-darjah yang maha tinggi(3). Para malaikat dan roh (Jibril) akan naik mengadap-Nya pada hari yang kadar panjangnya ialah lima puluh ribu tahun(4). Oleh itu, sabarlah (wahai Muhammad) dengan kesabaran yang elok(5).Sesungguhnya mereka memandang hari itu (Qiamat) jauh(6). Sedangkan Kami memandangnya dekat(7). Pada hari itu langit menjadi (hancur) seperti perak yang cair(8). Dan gunung-ganang (berterbangan) seperti bulu-bulu(9). Dan kawan akrab tidak menanyakan kawannya."(10).

يُبَصَّرُونَهُمۡۚ يَوَدُّ ٱلۡمُجۡرِمُ لَوۡ يَفۡتَدِي مِنۡ عَذَابِ يَوۡمِئِذِۭ بِبَنِيهِ ١١ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَأَخِيهِ ١٢

وَفَصِيلَتِهِ ٱلَّتِي تُـٔۡوِيهِ ١٣

وَمَن فِي ٱلۡأَرۡضِ جَمِيعٗا ثُمَّ يُنجِيهِ ١٤

كَلَّآۖ إِنَّهَا لَظَىٰ ١٥ نَزَّاعَةٗ لِّلشَّوَىٰ ١٦

تَدۡعُواْ مَنۡ أَدۡبَرَ وَتَوَلَّىٰ ١٧ وَجَمَعَ فَأَوۡعَىٰٓ ١٨

۞إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ١٩ إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعٗا ٢٠

"Sedangkan mereka melihat satu sama lain. Orang yang bersalah bercita-cita jika ia dapat menebuskan dirinya dari 'azab pada hari itu dengan anak-anaknya(11). Dengan isteri dan saudaranya(12). Dengan keluarganya yang melindunginya(13). Dan dengan penghuni-penghuni bumi seluruhnya, kemudian (ia mengharapkan) tebusan itu dapat menyelamatkannya(14). Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Neraka itu adalah api yang bernyala-nyala(15).Yang mencabut kulit kepala(16). Ia memanggil mereka yang membelakangi dan berpaling (dari keimanan)(17). Dan mereka yang mengumpulkan harta kekayaan kemudian menyimpan(18). Sesungguhnya manusia itu diciptakan dengan tabi'at cepat gelisah(19). Apabila dia disentuh kesusahan dia menjadi amat cemas:"(20).

وَإِذَا مَسَّهُ ٱلۡخَيۡرُ مَنُوعًا ٢١ إِلَّا ٱلۡمُصَلِّينَ ٢٢

ٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَاتِهِمۡ دَآئِمُونَ ٢٣

وَٱلَّذِينَ فِيٓ أَمۡوَٰلِهِمۡ حَقّٞ مَّعۡلُومٞ ٢٤

لِّلسَّآئِلِ وَٱلۡمَحۡرُومِ ٢٥

وَٱلَّذِينَ يُصَدِّقُونَ بِيَوۡمِ ٱلدِّينِ ٢٦

وَٱلَّذِينَ هُم مِّنۡ عَذَابِ رَبِّهِم مُّشۡفِقُونَ ٢٧

إِنَّ عَذَابَ رَبِّهِمۡ غَيۡرُ مَأۡمُونٖ ٢٨

وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِفُرُوجِهِمۡ حَٰفِظُونَ ٢٩

إِلَّا عَلَىٰٓ أَزۡوَٰجِهِمۡ أَوۡ مَا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُهُمۡ فَإِنَّهُمۡ غَيۡرُ مَلُومِينَ ٣٠

"Dan apabila dia disentuh kesenangan dia menjadi amat kikir(21). Kecuali mereka yang mendirikan solat(22). Yang tekun mengerjakan solat mereka(23). Dan mereka yang memperuntukkan sebahagian yang tertentu dari harta kekayaan mereka(24). Untuk orang yang meminta pertolongan dan orang yang susah(25).Dan mereka membenarkan Hari Balasan(26). Dan mereka yang takut kepada 'azab Tuhan mereka(27). Kerana sesungguhnya 'azab Tuhan mereka tidak wajar dirasakan aman(28). Dan mereka yang memelihara anggota kelamin mereka(29). Melainkan dengan isteri-isteri mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak tercela(30)".

فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٣١﴾

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٣٢﴾

وَالَّذِينَ هُمْ بِشَهَادَاتِهِمْ قَائِمُونَ ﴿٣٣﴾

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٣٤﴾

أُولَٰئِكَ فِي جَنَّاتٍ مُكْرَمُونَ ﴿٣٥﴾

فَمَالِ الَّذِينَ كَفَرُوا قِبَلَكَ مُهْطِعِينَ ﴿٣٦﴾

عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشِّمَالِ عِزِينَ ﴿٣٧﴾

أَيَطْمَعُ كُلُّ امْرِئٍ مِنْهُمْ أَنْ يُدْخَلَ جَنَّةَ نَعِيمٍ ﴿٣٨﴾

كَلَّا إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِمَّا يَعْلَمُونَ ﴿٣٩﴾

فَلَا أُقْسِمُ بِرَبِّ الْمَشَارِقِ وَالْمَغَارِبِ إِنَّا لَقَادِرُونَ ﴿٤٠﴾

'Oleh itu, siapa yang mencari keni'matan (seks) melebihi batas itu, maka mereka adalah pelampau-pelampau(31). Dan mereka yang memelihara amanah-amanah dan janji-janji mereka(32). Dan mereka yang memberi kesaksian dengan jujur(33). Dan mereka yang memelihara solat mereka(34). Mereka semuanya akan dimuliakan di dalam Syurga-syurga(35). Mengapakan orang-orang yang kafir itu tergesa-gesa menuju ke arahmu?(36). Berpuak-puak dari kanan dan kiri?(37). Adakah setiap orang dari mereka ingin dimasukkan ke dalam Syurga?(38). Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Kami ciptakan mereka dari bahan yang mereka ketahui(39). Oleh itu, Aku tidak perlu bersumpah dengan Tuhan yang memiliki arah-arah Timur dan arah-arah Barat, bahawa sesungguhnya Kami amat berkuasa.":(40).

عَلَىٰ أَنْ نُبَدِّلَ خَيْرًا مِنْهُمْ وَمَا نَحْنُ بِمَسْبُوقِينَ ﴿٤١﴾

فَذَرْهُمْ يَخُوضُوا وَيَلْعَبُوا حَتَّىٰ يُلَاقُوا يَوْمَهُمُ الَّذِي يُوعَدُونَ ﴿٤٢﴾

يَوْمَ يَخْرُجُونَ مِنَ الْأَجْدَاثِ سِرَاعًا كَأَنَّهُمْ إِلَىٰ نُصُبٍ يُوفِضُونَ ﴿٤٣﴾

خَاشِعَةً أَبْصَارُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ ذَٰلِكَ الْيَوْمُ الَّذِي كَانُوا يُوعَدُونَ ﴿٤٤﴾

"Untuk menggantikan mereka dengan umat yang lebih baik dari mereka dan Kami tidak sekali-kali dapat dilemahkan(41). Biarkanlah mereka mengharungi kebatilan dan bermain-main sehingga mereka menemui hari mereka yang telah dijanjikan kepada mereka(42). Iaitu hari mereka keluar dari kubur dengan tergesa-gesa, seolah-olah mereka menuju kepada berhala-berhala yang disembahkan mereka(43). Sedangkan mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan. Itulah hari yang telah dijanjikan kepada mereka(44).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini merupakan satu siri dari siri-siri pengubatan secara beransur-ansur, lama, mendalam dan halus yang dituju untuk mengubati saki-baki penyakit jahiliyah yang bersarang di dalam jiwa manusia sebagaimana yang dihadapi oleh Al-Qur'an di Makkah, dan mungkin akan dihadapinya di dalam mana-mana masyarakat jahiliyah yang lain. Jahiliyah-jahiliyah itu berbeza-beza pada paras permukaannya, tetapi tidak berbeza di paras dasar. Ia berbeza pada lahirnya sahaja, tetapi tidak berbeza pada hakikatnya.

Atau surah ini merupakan satu pusingan dari pusingan-pusingan perjuangan yang panjang dan sukar yang berlangsung dalam lubuk jiwa manusia, liku-liku dan keladak-keladaknya. Iaitu satu perjuangan yang lebih hebat dan lebih panjang dari perjuangan-perjuangan di medan perang yang diceburi oleh orang-orang Islam selepas itu. Begitu juga keladak-keladak dan saki-baki penyakit-penyakit jahiliyah itu adalah lebih besar dan lebih sukar dari kekuatan-kekuatan yang disediakan untuk menentang da'wah baik dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah zaman dahulu mahupun dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah zaman moden.

Hakikat Alam Akhirat Dan Hakikat Jiwa Manusia

Hakikat pokok yang dibicarakan oleh surah ini ialah hakikat alam Akhirat dan balasan-balasannya terutama 'azab seksa yang akan diterima oleh orang-orang yang kafir seperti yang dijanjikan oleh Al-Qur'an kepada mereka. Dalam proses menjelaskan hakikat itu, surah ini juga membincangkan hakikat jiwa manusia dalam masa menghadapi kesusahan dan kesenangan, iaitu satu hakikat yang berbeza-beza pada jiwa yang beriman dan jiwa yang kosong dari iman, begitu juga ia membincangkan ciri-ciri jiwa yang beriman seperti perasaannya, tindak-tanduknya dan balasan penghormatan yang akan diterimanya. Surah ini juga membicarakan tentang penghinaan-penghinaan yang akan diterima oleh orang-orang yang ingkarkan Allah. Seterusnya surah ini

menjelaskan perbezaan nilai dan ukuran yang wujud dalam penilaian Allah dan penilaian manusia.

Dengan membicarakan hakikat-hakikat ini, surah ini benar-benar merupakan satu siri dari siri-siri pengubatan yang memakan waktu yang panjang untuk menghapuskan saki-baki penyakit jahiliyah dan kepercayaan-kepercayaannya atau benar-benar merupakan satu pusingan dari pusingan-pusingan perjuangan yang sengit di dalam lubuk jiwa manusia, iaitu perjuangan yang telah diceburi oleh Al-Qur'an dan telah berjaya mencapai kemenangan dengan kekuatan dirinya sahaja tanpa bantuan dari kekuatan-kekuatan yang lain. Kemenangan Al-Qur'an yang sebenar adalah bermula dengan kemenangannya dalam perjuangan di lubuk jiwa manusia sebelum ia mempunyai kekuatan pedang yang dapat mempertahankan orang-orang Mu'min dari tindasan-tindasan dan memaksa musuhnya menyerah kalah.

Cara-cara Al-Qur'an Menangani Jiwa Manusia

Orang yang membaca Al-Qur'an sambil mengenangkan peristiwa-peristiwa sirah akan merasa betapa hebatnya kekuatan Al-Qur'an dalam menangani jiwa-jiwa manusia di Makkah dan menundukkannya di bawah pimpinannya. Dia juga akan melihat bagaimana Al-Qur'an menggunakan berbagai-bagai cara yang mengkagumkan dalam menghadapi berbagai-bagai jiwa itu. Kadang-kadang Al-Qur'an meng-hadapi mereka dengan mengemukakan berbagai-bagai dalil dan bukti yang memberi ilham dan kesan seolah-olah arus banjir yang deras. Kadang-kadang Al-Qur'an menghadapi mereka dengan pukulan-pukulan yang menghancur-leburkan kepercayaan-kepercayan dan keladak-keladak jahiliyah. Kadang-kadang ia menghadapinya dalam bentuk pembelasahan-pembelasahan cemeti yang amat pedih memukul hati mereka. Kadang-kadang ia menghadapi mereka dengan pujuk rayu yang menawan hati. Kadang-kadang ia menghadapi mereka dengan ledakan gempa yang menakutkan, dengan bahana yang ngeri yang membuka mata hati terhadap bahaya yang dekat. Kadang-kadang ia menghadapi mereka dengan mengemukakan hakikat yang sebenar dengan mudah dan jelas yang tidak dapat diragui dan dipertikaikan lagi. Kadang-kadang ia menghadapi mereka dengan harapan yang indah dan cita-cita yang manis. Kadang-kadang ia menghadapi mereka dengan mendedahkan rahsia-rahsia yang tersembunyi di dalam lubuk dan liku-liku jiwa mereka. Dengan pendedahan itu mereka dapat melihat dengan jelas apa yang berlaku di dalam jiwa mereka. Ini membuat mereka merasa malu dan benci dan seterusnya menyedarkan mereka terhadap tindak-tanduk dan emosi-emosi mereka yang tidak disedari.

Di samping itu terdapat ratusan ragam sentuhan dan cubitan, ratusan ragam cara menarik perhatian, ratusan ragam seruan dan panggilan dan ratusan ragam cara yang memberi kesan yang dapat dilihat oleh pembaca Al-Qur'an ketika mengikuti proses perjuangan yang lanjut dan pengubatan yang beransur-ansur. Begitu juga ia dapat melihat bagaimana Al-Qur'an menewaskan jahiliyah dalam jiwa manusia yang penderhaka dan degil itu.

Gambaran Qiamat Surah Al-Haqqah Dan Surah Ini

Surah ini menjelaskan satu aspek dari usaha untuk menerangkan hakikat alam Akhirat dan hakikat-hakikat yang lain yang disentuh di tengah jalan menuju pembicaraan hakikat Akhirat dan hakikat alam Akhirat itu sendiri telah dibicarakan oleh Surah al-Haqqah, tetapi surah ini menjelaskan hakikat ini dengan cara yang lain dan dari sudut yang baru dengan gambaran-gambaran dan suasana-suasana yang baru.

Dalam Surah al-Haqqah, malapetaka alam yang mengerikan pada hari Qiamat itu digambarkan dalam bentuk pemandangan dan gerak gempa alam yang menakutkan:

فَإِذَا نُفِخَ فِي ٱلصُّورِ نَفْخَةٌ وَٰحِدَةٌ ﴿١٣﴾
وَحُمِلَتِ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةً وَٰحِدَةً ﴿١٤﴾
فَيَوْمَئِذٍ وَقَعَتِ ٱلْوَاقِعَةُ ﴿١٥﴾
وَٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَهِيَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ ﴿١٦﴾

"Apabila sangkakala ditiup sekali, dan apabila bumi dan gunung-ganang diangkat dan dileburkan keduanya serentak sekali, maka pada hari itu berlakulah Qiamat. Dan terbelahlah langit kerana pada hari itu ia amat lemah."

(Surah-al-Haqqah: 13-16)

Juga dalam bentuk pemandangan kehebatan dan kebesaran Allah:

وَٱلْمَلَكُ عَلَىٰٓ أَرْجَآئِهَا ۚ وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ ثَمَٰنِيَةٌ ﴿١٧﴾

"Sedangkan para malaikat berada di segenap penjurunya (langit), dan pada hari itu lapan malaikat menjunjung 'Arasy Tuhanmu di atas mereka."

(Surah al-Haqqah: 17)

Dan pemandangan keterdedahan diri yang memeranjatkan:

يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَىٰ مِنكُمْ خَافِيَةٌ ﴿١٨﴾

"Pada hari itu kamu dihadapkan kepada Allah tiada satu pun dari rahsia kamu yang tersembunyi."

(Surah al-Haqqah: 18)

Seterusnya di dalam bentuk pemandangan-pemandangan 'azab yang dahsyat dan cara hukuman 'azab itu dijatuhkan ke atas mereka:

خُذُوهُ فَغُلُّوهُ ﴿٣٠﴾ ثُمَّ ٱلْجَحِيمَ صَلُّوهُ ﴿٣١﴾
ثُمَّ فِي سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَٱسْلُكُوهُ ﴿٣٢﴾

"Tangkap dia dan belenggukan dia, kemudian masukkan dia ke dalam Neraka.Kemudian tambatkan dia dengan rantai sepanjang tujuh puluh hasta."

(Surah al-Haqqah: 30-32)

Juga dalam bentuk jeritan-jeritan, rintihan-rintihan dan penyesalan-penyesalan:

يَٰلَيْتَنِى لَمْ أُوتَ كِتَٰبِيَهْ ﴿٢٥﴾ وَلَمْ أَدْرِ مَا حِسَابِيَهْ ﴿٢٦﴾
يَٰلَيْتَهَا كَانَتِ ٱلْقَاضِيَةَ ﴿٢٧﴾

"Alangkah baiknya jika aku tidak diserahkan buku amalanku ini, dan aku tidak tahu apakah hakikat hisabku itu, alangkah baiknya jika Qiamat itu menamatkan segala-galanya itu merupakan kematian penamat."

(Surah al-Haqqah: 25-27)

Tetapi dalam surah ini gambaran kedahsyatan hari itu dapat dilihat pada penderitaan-penderitaan jiwa lebih dari yang dapat dilihat pada pemandangan-pemandangan kemusnahan alam. Hatta kedahsyatan pemandangan-pemandangan kemusnahan alam buana juga bersifat kejiwaan, dengan erti kedahsyatan pemandangan kemusnahan alam itu bukanlah merupakan ciri yang paling nyata dalam surah ini, malah kedahsyatan itu adalah berlaku dalam jiwa, manusia yang membuat mereka bingung, tercegang bengang dan cemas:

يَوْمَ تَكُونُ ٱلسَّمَآءُ كَٱلْمُهْلِ ﴿٨﴾
وَتَكُونُ ٱلْجِبَالُ كَٱلْعِهْنِ ﴿٩﴾
وَلَا يَسْـَٔلُ حَمِيمٌ حَمِيمًا ﴿١٠﴾
يُبَصَّرُونَهُمْ ۚ يَوَدُّ ٱلْمُجْرِمُ لَوْ يَفْتَدِى مِنْ عَذَابِ يَوْمِئِذٍۭ
بِبَنِيهِ ﴿١١﴾ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَأَخِيهِ ﴿١٢﴾
وَفَصِيلَتِهِ ٱلَّتِى تُـْٔوِيهِ ﴿١٣﴾
وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ يُنجِيهِ ﴿١٤﴾

"Pada hari itu langit menjadi (hancur) seperti perak yang cair(8). Dan gunung-ganang (berterbangan) seperti bulu-bulu(9). Dan kawan akrab tidak menanyakan kawannya(10). Sedangkan mereka melihat satu sama lain. Orang yang bersalah bercita-cita jika ia dapat menebuskan dirinya dari 'azab pada hari itu dengan anak-anaknya(11). Dengan isteri dan saudaranya(12). Dengan keluarganya yang melindunginya(13). Dan dengan penghuni-penghuni bumi seluruhnya, kemudian (ia mengharapkan) tebusan itu dapat menyelamatkannya."(14)

Neraka dalam surah ini digambarkan selaku makhluk yang bernyawa yang mempunyai perasaan dan kesedaran:

كَلَّآ ۖ إِنَّهَا لَظَىٰ ﴿١٥﴾ نَزَّاعَةً لِّلشَّوَىٰ ﴿١٦﴾
تَدْعُوا۟ مَنْ أَدْبَرَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٧﴾ وَجَمَعَ فَأَوْعَىٰٓ ﴿١٨﴾

"Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Neraka itu adalah api yang bernyala-nyala(15). Yang mencabut kulit kepala(16). Ia memanggil mereka yang membelakangi dan berpaling (dari keimanan)(17). Dan mereka yang mengumpulkan harta kekayaan kemudian menyimpan."(18)

Gambaran 'azab itu sendiri dalam surah ini lebih ditekankan pada 'azab kejiwaan dari ditekankan pada 'azab fizikal:

يَوْمَ يَخْرُجُونَ مِنَ ٱلْأَجْدَاثِ سِرَاعًا كَأَنَّهُمْ إِلَىٰ نُصُبٍ
يُوفِضُونَ ﴿٤٣﴾
خَٰشِعَةً أَبْصَٰرُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ ۚ ذَٰلِكَ ٱلْيَوْمُ ٱلَّذِى كَانُوا۟
يُوعَدُونَ ﴿٤٤﴾

"Iaitu hari mereka keluar dari kubur dengan tergesa-gesa seolah-olah mereka menuju kepada berhala-berhala yang disembahkan mereka(43). Sedangkan mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan. Itulah hari yang telah dijanjikan kepada mereka."(44)

Pemandangan-pemandangan, gambaran-gambaran dan suasana-suasana hari Qiamat yang terdapat dalam surah ini berlainan dengan yang terdapat di dalam Surah al-Haqqah walaupun hakikat yang dibicarakan oleh kedua-duanya sama.

Oleh kerana itu di antara yang dibicarakan oleh surah itu ialah keadaan jiwa manusia dalam masa menghadapi kesusahan dan kesenangan. Ini adalah sesuai dengan ciri surah ini yang menekankan aspek kejiwaan. Ia menjelaskan tabi'at manusia:

إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾
وَإِذَا مَسَّهُ ٱلْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya manusia itu diciptakan dengan tabi'at cepat gelisah(19). Apabila dia disentuh kesusahan dia menjadi amat cemas(20). Dan apabila dia disentuh kesenangan dia menjadi amat kikir."(21)

Kemudian ia terus menggambarkan sifat-sifat jiwa orang yang beriman dan ciri-ciri mereka lahir dan batin sesuai dengan pembicaraan surah dan uslubnya:

إِلَّا ٱلْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾
ٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ دَآئِمُونَ ﴿٢٣﴾
وَٱلَّذِينَ فِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ﴿٢٤﴾

لِّلسَّآئِلِ وَٱلۡمَحۡرُومِ ٢٥

وَٱلَّذِينَ يُصَدِّقُونَ بِيَوۡمِ ٱلدِّينِ ٢٦

"Kecuali mereka yang mendirikan solat(22). Yang tekun mengerjakan solat mereka(23). Dan mereka yang memperuntukkan sebahagian yang tertentu dari harta kekayaan mereka(24). Untuk orang yang meminta pertolongan dan orang yang susah(25). Dan mereka membenarkan hari balasan."(26)

وَٱلَّذِينَ هُم مِّنۡ عَذَابِ رَبِّهِم مُّشۡفِقُونَ ٢٧

إِنَّ عَذَابَ رَبِّهِمۡ غَيۡرُ مَأۡمُونٖ ٢٨

وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِفُرُوجِهِمۡ حَٰفِظُونَ ٢٩

إِلَّا عَلَىٰٓ أَزۡوَٰجِهِمۡ أَوۡ مَا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُهُمۡ فَإِنَّهُمۡ غَيۡرُ مَلُومِينَ ٣٠

فَمَنِ ٱبۡتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡعَادُونَ ٣١

"Dan mereka yang takut kepada 'azab Tuhan mereka(27). Kerana sesungguhnya 'azab Tuhan mereka tidak wajar dirasakan aman(28). Dan mereka yang memelihara anggota kelamin mereka(29). Melainkan dengan isteri-isteri mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak tercela(30). Oleh itu, siapa yang mencari keni'matan (seks) melebihi batas itu, maka mereka adalah pelampau-pelampau."(31)

وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِأَمَٰنَٰتِهِمۡ وَعَهۡدِهِمۡ رَٰعُونَ ٣٢

وَٱلَّذِينَ هُم بِشَهَٰدَٰتِهِمۡ قَآئِمُونَ ٣٣

وَٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَاتِهِمۡ يُحَافِظُونَ ٣٤

"Dan mereka yang memelihara amanah-amanah dan janji-janji mereka(32). Dan mereka yang memberi kesaksian dengan jujur(33). Dan mereka yang memelihara solat mereka."(34)

* * * * * *

Tujuan pokok dalam Surah al-Haqqah ialah menjelaskan hakikat yang serius dalam urusan 'aqidah. Oleh kerana itu hakikat Akhirat merupakan salah satu dari hakikat-hakikat yang lain yang dibicarakan dalam surah itu seperti hakikat menghukumkan para pendusta dengan hukuman yang berat di bumi dan menghukumkan orang-orang yang menukarkan agamanya tanpa tolak ansur. Adapun tujuan pokok Surah al-Ma'aarij ialah menjelaskan hakikat Akhirat dan balasan-balasannya, juga neraca pertimbangan terhadap balasan. Ini bererti bahawa hakikat Akhirat merupakan hakikat pokok yang dibicarakan dalam surah ini.

Oleh sebab itu semua hakikat-hakikat yang lain yang dibicarakan di dalam surah ini mempunyai hubungan secara langsung dengan hakikat Akhirat. Di antaranya ialah hakikat perbezaaan di antara hitungan Allah dengan hitungan manusia mengenai panjang pendek harinya dan perbezaan di antara penilaian Allah dengan penilaian manusia mengenai jauh dekat Hari Akhirat:

تَعۡرُجُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ إِلَيۡهِ فِي يَوۡمٖ كَانَ مِقۡدَارُهُۥ خَمۡسِينَ أَلۡفَ سَنَةٖ ٤ فَٱصۡبِرۡ صَبۡرٗا جَمِيلًا ٥

إِنَّهُمۡ يَرَوۡنَهُۥ بَعِيدٗا ٦ وَنَرَىٰهُ قَرِيبٗا ٧

"Para malaikat dan roh (Jibril) akan naik mengadapnya pada hari yang kadar panjangnya ialah lima puluh ribu tahun(4). Oleh itu, sabarlah (wahai Muhammad) dengan kesabaran yang elok(5). Sesungguhnya mereka memandang hari itu (Qiamat) jauh(6). Sedangkan Kami memandangnya dekat."(7)

Di antaranya pula ialah perbezaan di antara jiwa manusia yang beriman dengan jiwa manusia yang tidak beriman dalam menghadapi kesusahan dan kesenangan. Kedua-dua jenis jiwa itu masing-masing disediakan balasan pada hari Akhirat. Di antaranya pula ialah keangkuhan orang-orang kafir dan keinginan mereka untuk memasuki Syurga, sedangkan mereka dipandang hina oleh Allah dan tidak akan terlepas dari 'azab-Nya. Semuanya ini mempunyai hubungan yang amat rapat dengan paksi pembicaraan yang pokok surah ini.

Demikianlah surah ini hampir-hampir keseluruhannya membicarakan hakikat Akhirat, iaitu hakikat agung yang mahu ditanamkan di dalam jiwa manusia, di samping menyentuh hakikat-hakikat lain yang ada hubungan dengan maudhu' yang pokok itu.

Ada lagi satu gejala yang wujud di dalam nada muzik surah ini, iaitu nada muzik yang terbit dari binaan ayat-ayatnya. Keragaman nada di dalam Surah al-Haqqah adalah terbit dari perubahan akhir kata dari satu ceraian ke satu ceraian sesuai dengan makna dan suasana dalam ayat itu, tetapi keragaman nada dalam Surah al-Ma'aarij ini adalah lebih luas lagi, kerana ia mengandungi pelbagai kumpulan nada muzik bukannya nada akhir ayat sahaja. Kumpulan nada muzik ini lebih mendalam, luas dan kukuh susunannya. Keragaman nada ini dapat dilihat dengan jelas pada bahagian pertama surah ini.

Dalam ayat-ayat permulaan berikut terdapat tiga kumpulan nada muzik yang berlainan, tetapi sama bunyi pada akhir kata-katanya dari segi panjang dan dari segi iramanya seperti berikut:

سَأَلَ سَآئِلُۢ بِعَذَابٖ وَاقِعٖ ١

لِّلۡكَٰفِرِينَ لَيۡسَ لَهُۥ دَافِعٞ ٢

مِّنَ ٱللَّهِ ذِى ٱلْمَعَارِجِ ﴿٣﴾
تَعْرُجُ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ إِلَيْهِ فِى يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُۥ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ ﴿٤﴾ فَٱصْبِرْ صَبْرًا جَمِيلًا ﴿٥﴾

Di sini nada-nada itu berakhir dengan memanjangkan sebutan alif pada nada yang kelima.

إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُۥ بَعِيدًا ﴿٦﴾ وَنَرَىٰهُ قَرِيبًا ﴿٧﴾

(Ayat 6-7)

Di sini bunyi nada berulang-ulang dengan memanjangkan alif sebanyak dua kali.

يَوْمَ تَكُونُ ٱلسَّمَآءُ كَٱلْمُهْلِ ﴿٨﴾
وَتَكُونُ ٱلْجِبَالُ كَٱلْعِهْنِ ﴿٩﴾
وَلَا يَسْـَٔلُ حَمِيمٌ حَمِيمًا ﴿١٠﴾

(Ayat 8-10)

Di sini nada-nada itu berakhir dengan memanjangkan sebutan alif pada nada yang ketiga di samping keragaman nada yang lain di dalamnya.

يُبَصَّرُونَهُمْ ۚ يَوَدُّ ٱلْمُجْرِمُ لَوْ يَفْتَدِى مِنْ عَذَابِ يَوْمِئِذٍۭ بِبَنِيهِ ﴿١١﴾ وَصَـٰحِبَتِهِۦ وَأَخِيهِ ﴿١٢﴾
وَفَصِيلَتِهِ ٱلَّتِى تُـْٔوِيهِ ﴿١٣﴾
وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ يُنجِيهِ ﴿١٤﴾ كَلَّآ ۖ إِنَّهَا لَظَىٰ ﴿١٥﴾

(Ayat 11-15)

Di sini nada itu berakhir dengan memanjangkan sebutan alif pada nada yang kelima seperti bahagian pertama.

نَزَّاعَةً لِّلشَّوَىٰ ﴿١٦﴾ تَدْعُوا۟ مَنْ أَدْبَرَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٧﴾
وَجَمَعَ فَأَوْعَىٰٓ ﴿١٨﴾ إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾
إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾
وَإِذَا مَسَّهُ ٱلْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾

(Ayat 16-21)

Di sini nada-nada sebutan "ألف" yang panjang berulang-ulang sebanyak lima kali. Dua daripadanya yang terdapat di akhir adalah berlainan dari tiga nada yang pertama.

Kemudian nada pada ayat-ayat lain semuanya diakhiri dengan mim dan nun yang didahului wau atau ya.

Keragaman nada permulaan surah amat mendalam dan amat canggih dalam penggubahan nada hingga dapat menarik telinga-telinga yang arif dengan bunyi muzik kepada keragaman bunyi muzik yang tinggi dan indah ini. Ia adalah nada muzik yang asing dari masyarakat Arab dan nada muzik Arab, tetapi uslub Al-Qur'an dapat menguasainya dan memudahkannya masuk dan diterima oleh telinga-telinga orang-orang Arab walaupun ia merupakan satu seni kreatif yang mendalam dan baru dari nada-nada muzik biasa.[1]

Sekarang marilah kita meneliti surah ini secara terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

سَأَلَ سَآئِلٌۢ بِعَذَابٍ وَاقِعٍ ﴿١﴾
لِّلْكَـٰفِرِينَ لَيْسَ لَهُۥ دَافِعٌ ﴿٢﴾
مِّنَ ٱللَّهِ ذِى ٱلْمَعَارِجِ ﴿٣﴾

"Seorang pemohon telah memohon ditimpakan 'azab (Qiamat) yang tetap akan berlaku(1). Ke atas orang-orang kafir yang tiada seorang pun dapat menolakkannya (2). Iaitu 'azab dari Allah yang mempunyai darjah-darjah yang maha tinggi."(3)

Hakikat alam Akhirat adalah di antara hakikat-hakikat yang sukar difahami oleh kaum Musyrikin Arab. Mereka menganggap hakikat ini sebagai terlalu pelik dan aneh. Oleh itu, mereka ingkarkannya dengan sekeras-kerasnya. Mereka mencabar Rasulullah s.a.w. dengan berbagai-bagai cara supaya membawa Hari Akhirat yang dijanjikannya itu atau mereka bertanya beliau bilakah hari itu?

Menurut satu riwayat daripada Ibn 'Abbas, orang yang meminta ditimpakan 'azab itu ialah an-Nadhr ibn al-Harith. Mengikut riwayat yang lain dari Ibn 'Abbas juga katanya: "Itulah permintaan orang-orang kafir supaya mereka ditimpakan 'azab Allah, sedangkan 'azab itu tetap akan menimpa mereka."

Walau bagaimanapun surah ini menceritakan ada orang yang meminta ditimpakan 'azab dengan segera, kemudian menjelaskan bahawa 'azab ini memang tetap akan berlaku kerana - dari satu segi - ia telah ditetapkan dalam perencanaan Allah dan kerana - dari satu segi yang lain - ia sudah hampir

---

[1] *Bagi mereka yang mengetahui prinsip-prinsip muzik tentulah tidak sulit untuk memahami pembicaraan ini. Untuk memudahkan orang-orang lain memahaminya silalah lihat bab "التناسق الفني" dalam buku "التصوير الفني في القرآن".*

berlaku, dan tiada seorang pun yang berkuasa menolak atau menghalangkannya. Oleh itu, orang yang meminta supaya 'azab hari itu disegerakan merupakan orang yang amat malang sama ada individu atau kelompok.

'Azab hari itu adalah disediakan kepada seluruh orang kafir termasuk orang yang meminta agar 'azab itu disegerakan. Hari itu berlaku dengan perintah dari Allah **"yang mempunyai darjah yang maha tinggi."** Di dalam surah yang lain diungkap:

رَفِيعُ ٱلدَّرَجَٰتِ ذُو ٱلْعَرْشِ

"Yang amat tinggi darjahnya dan mempunyai singgahsana."

(Surah Ghafir: 15)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 7)

Menjelang Qiamat Jibril Bersama Para Malaikat Mengadap Allah

Selepas kata pembukaan yang memberi kata pemutus tentang persoalan 'azab Qiamat, masa berlakunya, orang-orang yang akan menerimanya dan sumber kuasa tertinggi yang menentukan hari itu, maka ia merupakan suatu keputusan tertinggi yang tetap terlaksana, tidak dapat ditahan dan dihalang lagi, kemudian ayat yang berikut menerangkan tentang hari yang akan berlaku 'azab itu yang diminta mereka supaya dilaksanakan dengan segera. Hari itu sebenarnya amat dekat kepada mereka, tetapi penilaian Allah tidak sama dengan penilaian manusia dan ukuran-Nya berlainan dengan ukuran mereka:

تَعْرُجُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ إِلَيْهِ فِى يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُۥ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ ﴿٤﴾ فَٱصْبِرْ صَبْرًا جَمِيلًا ﴿٥﴾ إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُۥ بَعِيدًا ﴿٦﴾ وَنَرَىٰهُ قَرِيبًا ﴿٧﴾

"Para malaikat dan roh (Jibril) akan naik mengadap-Nya pada hari yang kadar panjangnya ialah lima puluh ribu tahun(4). Oleh itu, sabarlah (wahai Muhammad!) dengan kesabaran yang elok(5). Sesungguhnya mereka memandang hari itu (Qiamat) jauh(6). Sedangkan Kami memandangnya dekat."(7)

Menurut pendapat yang terkuat, maksud dari kata-kata **"Hari"** yang disebutkan di dalam ayat ini ialah Hari Qiamat kerana cara susunan ayat ini sendiri menentukan maksud ini. Pada Hari Qiamat nanti para malaikat , dan Jibril akan naik mengadap Allah. Maksud kata-kata "ar-Ruh" pula, menurut pendapat yang terkuat, ialah Jibril kerana beliau juga dinamakan dengan nama ini dalam surah-surah yang lain. Beliau disebut khusus selepas para Malaikat kerana kedudukannya yang istimewa. Demikianlah juga istiadat para malaikat dan Jibril naik mengadap Allah pada hari yang khusus disebutkan itu menunjukkan betapa penting dan betapa istimewanya urusan hari itu. Mereka naik mengadap Allah kerana tugas-tugas urusan penting hari itu. Kita tidak mengetahui dan kita tidak pula dituntut supaya mengetahui apakah tugas-tugas urusan yang penting itu, bagaimana caranya para malaikat itu naik mengadap Allah dan ke mana mereka naik, kerana semua perkara ini merupakan perincian-perincian urusan alam ghaib yang tidak mungkin diketahui oleh kita. Cukuplah bagi kita merasa di tengah-tengah pemandangan ini betapa pentingnya hari itu hingga para malaikat dan Jibril sibuk membuat pergerakan-pergerakan yang berkaitan dengan tugas-tugas urusan penting hari yang agung itu.

تَعْرُجُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ إِلَيْهِ فِى يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُۥ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ ﴿٤﴾

"Para malaikat dan roh (Jibril) akan naik mengadap-Nya pada hari yang kadar panjangnya ialah lima puluh ribu tahun."(4)

Lama Masa Hari Qiamat Mengikut Hitungan Tahun Dunia

Maksud ayat: مقداره خمسين ألف سنة (**"Kadar panjangnya ialah lima puluh ribu tahun"**) mungkin merupakan satu kiasan betapa panjangnya hari itu menurut kebiasaan dan pertuturan orang-orang Arab, dan mungkin pula merupakan satu hakikat yang tertentu, iaitu kadar panjang hari itu ialah lima puluh ribu tahun mengikut hitungan tahun penghuni bumi. Kini untuk memahami hakikat ini amat mudah sekali, kerana hari kita di bumi ini adalah dikira dari pusingan bumi di sekeliling dirinya selama dua puluh empat jam, di sana terdapat bintang-bintang yang pusingannya di sekeliling dirinya mengambil masa ribuan kali hari kita, tetapi ini tidaklah bermakna bahawa inilah yang dimaksudkan dengan lima puluh ribu tahun di dalam ayat ini. Kita hanya menyebut hakikat ini untuk memudahkan kita memahami perbezaan di antara satu hari dengan satu hari yang lain.

Jika sehari dari hari-hari Allah itu menyamai lima puluh ribu tahun, maka 'azab Hari Qiamat mungkin dilihat mereka amat jauh, sedangkan di sisi Allah ia amat dekat. Kerana, itu Allah menyeru Nabi-Nya s.a.w. supaya bersabar dengan kesabaran yang elok apabila kaum Musyrikin menggesa supaya disegerakan kedatangan hari yang dekat itu dan mendustakannya.

فَٱصْبِرْ صَبْرًا جَمِيلًا ﴿٥﴾ إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُۥ بَعِيدًا ﴿٦﴾ وَنَرَىٰهُ قَرِيبًا ﴿٧﴾

"Oleh itu, sabarlah (wahai Muhammad!) dengan kesabaran yang elok(5). Sesungguhnya mereka memandang hari itu (Qiamat) jauh(6). Sedangkan Kami memandangnya dekat."(7)

Sabar Satu Keperluan Dalam Perjuangan Da'wah

Seruan dan bimbingan kepada bersifat sabar tidak terpisah dari setiap perjuangan da'wah. Seruan itu berulang-ulang dibuat kepada setiap rasul dan kepada

setiap Mu'min yang mengikut Rasul, kerana ia merupakan satu keperluan untuk memikul beban tugas da'wah yang berat dan menempuh jalan perjuangan yang sukar, juga untuk memelihara jiwa para penda'wah supaya sentiasa berada dalam keadaan tabah, rela dan terikat dengan matlamat yang jauh dan bercita-cita untuk menjangkau ke ufuk yang jauh.

Kesabaran yang elok ialah kesabaran yang tenang tenteram, kesabaran yang tidak diseru perasaan-perasaan marah dan gelisah dan tidak pula disertai rasa ragu-ragu terhadap kebenaran janji Allah. Kesabaran orang yang yakin terhadap akibat-akibat, kesabaran orang yang rela dengan taqdir Allah, kesabaran orang yang menyedari hikmat di sebalik ujian Allah dan kesabaran orang yang sentiasa berhubung dengan Allah dan mencari pahala di sisi-Nya dari apa sahaja kesusahan yang menimpa dirinya.

Inilah warna kesabaran yang wajar dipunyai penda'wah, kerana da'wah ini adalah da'wah Allah dan kepada Allah. Dia tidak mempunyai sesuatu habuan dalam da'wah itu dan tidak mempunyai apa tujuan peribadi dari da'wah itu. Segala kesusahan yang ditempuhi dalam perjuangan da'wah itu adalah untuk Sabilullah dan segala yang berlaku kepadanya dalam perjuangan da'wah adalah dari urusan Allah. Oleh itu, kesabaran yang tenang adalah sesuai dengan hakikat ini dan sesuai dengan kesedaran yang dirasakan dalam hati nurani.

Allah selaku Tuanpunya da'wah yang ditentang para pendusta, dan selaku Tuanpunya janji yang digesakan para pendusta supaya disegerakannya. Dialah yang berhak menentukan peristiwa-peristiwa dan menentukan waktunya mengikut kebijaksanaan dan kehendak pentadbiran-Nya terhadap seluruh alam ini, tetapi manusia tidak mengetahui perencanaan dan pentadbiran Ilahi itu, kerana itu mereka menggesa supaya disegera janji ini, dan apabila mereka merasa lambat, mereka mulai meragui kebenarannya. Mungkin penda'wah-penda'wah itu sendiri merasa gelisah dalam menghadapi keadaan ini dan kadang-kadang timbul di dalam hati mereka cita-cita dan keinginan supaya janji itu segera dilaksanakan Allah, dan kerana inilah Allah Yang Maha Mengetahui mengarah supaya bersabar:

فَٱصْبِرْ صَبْرًا جَمِيلًا ﴿٥﴾

"Oleh itu, sabarlah (wahai Muhammad!) dengan kesabaran yang elok."(5)

Perintah ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk meneguhkan hatinya dalam menghadapi tentangan dan pendustaan, juga untuk menjelaskan satu hakikat yang baru iaitu penilaian Allah terhadap semua perkara adalah berlainan dari penilaian manusia, dan ukuran-ukuran-Nya yang mutlak berlainan dari ukuran-ukuran manusia yang kecil:

إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُۥ بَعِيدًا ﴿٦﴾ وَنَرَىٰهُ قَرِيبًا ﴿٧﴾

"Sesungguhnya mereka memandang hari itu (Qiamat) jauh(6). Sedangkan Kami memandangnya dekat."(7)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 9)

Kemudian Al-Qur'an melukiskan pemandangan-pemandangan yang akan berlaku pada itu:

يَوْمَ تَكُونُ ٱلسَّمَآءُ كَٱلْمُهْلِ ﴿٨﴾
وَتَكُونُ ٱلْجِبَالُ كَٱلْعِهْنِ ﴿٩﴾

"Pada hari itu langit menjadi (hancur) seperti perak yang cair(8). Dan gunung-ganang (berterbangan) seperti bulu-bulu."(9)

Kata-kata المهل bererti cairan logam yang keruh seperti keladak minyak yang mendap. Al-Qur'an menjelaskan di berbagai-bagai tempat yang lain bahawa pada hari Qiamat ini akan berlaku malapetaka alam yang amat besar yang mengubahkan kedudukan-kedudukan jirim-jirim di alam buana, sifat-sifat dan nisbah-nisbahnya, hubungan-hubungan dan pertalian-pertaliannya.

Di antara kejadian-kejadian malapetaka alam buana yang akan berlaku pada hari itu ialah langit menjadi seperti logam-logam yang hancur lebur. Ayat-ayat ini patutlah diteliti oleh para pengkaji ilmu fizik dan astronomi kerana menurut pendapat mereka yang kuat, jirim-jirim langit itu adalah tersusun dari logam-logam yang lebur hingga ke darjah gas, iaitu beberapa peringkat selepas darjah lebur dan cair. Mungkin pada hari Qiamat kelak jirim-jirim itu akan padam seperti yang diterangkan oleh ayat:

وَإِذَا ٱلنُّجُومُ ٱنكَدَرَتْ ﴿٢﴾

"Apabila bintang-bintang itu menjadi malap."

(Surah at-Takwir: 2)

Kemudian ia akan sejuk hingga menjadi logam-logam yang cair. Ini bererti sifat gasnya yang ada sekarang akan berubah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 14)

Walau bagaimanapun, ini hanya satu kemungkinan sahaja yang berguna untuk para pengkaji ilmu-ilmu ini menelitinya. Bagi kita, kita hanya berhenti setakat keterangan ayat ini sahaja dalam menghayati kemusnahan alam yang ngeri, ketika langit hancur seperti logam-logam cair yang keruh dan ketika gunung-ganang berterbangan seperti bulu-bulu kapas yang dibusur, juga menghayati kedahsyatan di sebalik pemandangan malapetaka Qiamat yang menguasai jiwa manusia yang diungkapkan oleh Al-Qur'an dengan ungkapan-ungkapan yang begitu mendalam:

وَلَا يَسْـَٔلُ حَمِيمٌ حَمِيمًا ﴿١٠﴾

يُبَصَّرُونَهُمْ ۚ يَوَدُّ ٱلْمُجْرِمُ لَوْ يَفْتَدِى مِنْ عَذَابِ يَوْمِئِذٍۭ بِبَنِيهِ ﴿١١﴾ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَأَخِيهِ ﴿١٢﴾
وَفَصِيلَتِهِ ٱلَّتِى تُـْٔوِيهِ ﴿١٣﴾
وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ يُنجِيهِ ﴿١٤﴾

"Dan kawan akrab tidak menanyakan kawannya(10). Sedangkan mereka melihat satu sama lain. Orang yang bersalah bercita-cita jika ia dapat menebuskan dirinya dari 'azab pada hari itu dengan anak-anaknya(11). Dengan isteri dan saudaranya(12). Dengan keluarganya yang melindunginya(13). Dan dengan penghuni-penghuni bumi seluruhnya, kemudian (ia mengharapkan) tebusan itu dapat menyelamatkannya."(14)

Setiap Orang Hanya Memikirkan Masalah Dirinya

Manusia pada hari itu masing-masing sibuk dengan masalah-masalah dirinya sendiri. Dia tidak mempunyai kesempatan memandang keluar dari dirinya dan tidak, mempunyai kelapangan untuk memikir masalah-masalah orang lain, **"Kawan akrab tidak menanyakan kawannya."** Kedahsyatan malapetaka Qiamat itu telah memutuskan segala tali perhubungan dan mempenjarakan setiap orang di dalam masalah-masalah dirinya masing-masing. Mereka tidak menghiraukan satu sama lain walaupun mereka melihatkan satu sama lain seolah-olah mereka sengaja bersikap begitu. Tetapi apa boleh buat, setiap orang masing-masing dengan kerungsingannya, dan setiap hati masing-masing dengan urusannya. Tidak terlintas dalam hati sahabat yang akrab untuk bertanya khabar kawannya atau meminta pertolongan darinya. Kesusahan dan ketakutan menyelubungi semua orang.

Bagaimana pula dengan orang yang bersalah? Seluruh perasaannya dikongkongi ketakutan hingga dia bercita-cita untuk menebuskan dirinya dari 'azab hari itu dengan orang-orang yang dekat yang paling disayanginya iaitu dengan anak-anaknya, isterinya, saudaranya dan keluarganya yang dekat yang selalu memberi perlindungan kepadanya, malah kerana terlalu ingin menyelamatkan dirinya dia hilang perasaan terhadap orang lain hingga dia berangan-angan untuk menebuskan dirinya dengan seluruh penghuni bumi, kemudian ia mengharapkan tebusan itu dapat menyelamatkannya. Itulah gambaran keinginan yang terharu dan mendesak, gambaran perasaan takut yang membingungkan dan gambaran cita-cita yang liar untuk melepaskan diri. Itulah gambaran yang ditekatkan dengan bunga-bunga huru-hara, kesusahan dan ketakutan yang terlukis di dalam pengungkapan Al-Qur'an yang menarik.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 18)

Tetapi ketika orang yang bersalah itu dilamun angan-angan untuk mendapatkan perkara yang mustahil itu, tiba-tiba dia mendengar pengumuman yang memutuskan seluruh harapan dan angan-angannya yang palsu itu sebagaimana yang didengarkan oleh khalayak ramai mengenai situasi Qiamat dan segala apa yang berlaku pada hari itu:

كَلَّآ ۖ إِنَّهَا لَظَىٰ ﴿١٥﴾ نَزَّاعَةً لِّلشَّوَىٰ ﴿١٦﴾
تَدْعُوا۟ مَنْ أَدْبَرَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٧﴾ وَجَمَعَ فَأَوْعَىٰ ﴿١٨﴾

"Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Neraka itu adalah api yang bernyala-nyala(15). Yang mencabut kulit kepala(16). Ia memanggil mereka yang membelakangi dan berpaling (dari keimanan)(17). Dan mereka yang mengumpulkan harta kekayaan kemudian menyimpan."(18)

Setiap Orang Berangan-angan Menebus Dirinya

Itulah satu pemandangan yang menerbangkan seluruh cahaya harapan hati setelah menjadi bingung dalam situasi Qiamat yang penuh derita dan huru-hara. "*Tidak sekali-kali begitu!*" Kata-kata ini menolak seluruh harapan dan angan-angan yang mustahil untuk menebuskan diri dengan anak-anak, isteri, saudara mara, keluarga dan penghuni bumi.

Neraka Bertindak Seperti Makhluk Yang Hidup

"Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Neraka itu api yang bernyala-nyala" yang membakar "Yang mencabut kulit kepala" dan kulit muka dengan dahsyatnya. Neraka itu amat menakutkan laksana hantu raksaksa. Neraka yang hidup bernyawa itu turut mengambil bahagian menyaksi dan mengazab dengan kemahuannya sendiri:

تَدْعُوا۟ مَنْ أَدْبَرَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٧﴾ وَجَمَعَ فَأَوْعَىٰ ﴿١٨﴾

"Ia memanggil mereka yang membelakangi dan berpaling (dari keimanan)(17). Dan mereka yang mengumpulkan harta kekayaan kemudian menyimpan."(18)

Maksudnya, Neraka itu memanggil mereka sebagaimana mereka pernah dipanggil di dunia untuk menerima hidayat Allah, tetapi mereka membelakangi dan berpaling dari panggilan hidayat itu. Tetapi hari ini apabila mereka dipanggil api Neraka mereka tidak berdaya lagi untuk membelakangi dan berpaling dari panggilannya. Dahulu mereka tidak menghiraukan da'wah kerana sibuk dengan urusan mengumpulkan harta kekayaan dan menyimpan di dalam peti-petinya, tetapi hari ini apabila mereka dipanggil api Neraka, mereka tidak berupaya lagi untuk mengabaikan panggilannya dan tidak mempunyai harapan lagi untuk menebuskan diri mereka walaupun dengan seluruh penghuni bumi.

Gambaran Masyarakat Makkah Yang Kufur, Kejam Dan Tamak

Surah ini dan surah sebelumnya, juga Surah al-Qalam, masing-masing menekankan kecaman terhadap sikap manusia yang tidak ingin berbuat kebajikan dan tidak berusaha menggalakkan satu

sama lain untuk memberi makanan kepada fakir miskin, juga kecaman terhadap sikap tamak mengumpul dan menyimpankan harta kekayaan di samping mengecamkan sikap kufur, mendustakan da'wah dan melakukan maksiat. Penekanan sedemikian menunjukkan bahawa da'wah Islam di Makkah menghadapi keadaan-keadaan yang khusus, iaitu keadaan-keadaan manusia yang bakhil, tamak dan haloba, di samping berdegil dengan kekufuran, pendustaan dan kesesatan. Kerana inilah kecaman dan peringatan terhadap akibat sikap dan perbuatan ini perlu diulang-ulangkan, kerana sikap yang seperti itu mengakibatkan hukuman 'azab sama seperti perbuatan kufur dan syirik terhadap Allah.

Di dalam surah ini terdapat isyarat-isyarat yang menunjukkan kepada pengertian itu. Masyarakat Makkah di waktu itu adalah masyarakat yang sibuk dengan kegiatan mengumpul harta kekayaan melalui perdagangan dan pinjaman-pinjaman berbunga (riba). Orang-orang yang menjadi tuan-tuan punya perdagangan dan angkatan-angkatan kafilah dalam perjalan-perjalanan di musim dingin dan di musim panas ialah pembesar-pembesar Quraysy. Di sana terdapat gejala-gejala perlumbaan dan pertandingan sengit untuk mendapat kekayaan, juga gejala-gejala kekikiran dan kebakhilan yang menyebabkan golongan miskin dan anak-anak yatim, hidup dalam kesusahan dan penderitaan. Kerana itulah Al-Qur'an berkali-kali menyentuh perkara ini dan berkali-kali memberi amaran, malah Al-Qur'an terus menerus mengubati penyakit kikir dan bakhil ini dan terus menerus menyerang penyakit itu di dalam lubuk hati manusia sebelum dan sesudah negeri Makkah ditakluk oleh Rasulullah s.a.w. Ini adalah jelas kepada siapa yang mengikui ayat-ayat yang mengandungi amaran-amaran dan peringatan-peringatan Allah terhadap perbuatan-perbuatan makan riba, makan harta orang lain dengan cara yang salah dan makan harta anak yatim di luar batas yang wajar atau secara tergesa-gesa sebelum mereka meningkat dewasa. Juga amaran terhadap perbuatan zalim kepada anak-anak gadis yang yatim dan perbuatan memaksa mereka menerima perkahwinan yang zalim kerana tamakkan harta kekayaan yang diwarisi mereka, juga amaran terhadap perbuatan meng-herdikkan peminta-peminta, perbuatan bertindak kejam terhadap anak-anak yatim dan perbuatan membiarkan orang-orang miskin hidup menderita dan sebagainya dari perbuatan-perbuatan yang diberi kecaman-kecaman dan amaran-amaran keras yang berturut-turut yang benar-benar menggambarkan sifat-sifat masyarakat Makkah di waktu itu. Amaran-amaran itu di samping merupakan bimbingan dan arahan-arahan yang tetap untuk mengubati jiwa manusia di mana-mana masyarakat sekalipun, kerana perasaan kasihkan harta, tamakkan kekayaan, bakhil mendermakannya, keinginan mengumpul dan menyimpan harta merupakan penyakit berat yang mencengkam hati manusia. Usaha untuk membebaskan manusia dari cengkaman penyakit ini memerlukan perjuangan yang berterusan dan pengubatan yang berpanjangan.

Kini setelah selesai menggambarkan keadaan-keadaan huru-hara yang menakutkan di dalam pemandangan-pemandangan Hari Qiamat dan 'azab keseksaannya, Al-Qur'an beralih kepada menggambarkan hakikat jiwa manusia yang beriman dan tidak beriman dalam menghadapi kesusahan dan kesenangan, dan menerangkan kesudahan orang-orang Mu'min dan kesudahan orang-orang kafir yang berdosa. Lihat ayat 19 – 35:

إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾

وَإِذَا مَسَّهُ ٱلْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾ إِلَّا ٱلْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾

ٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ دَآئِمُونَ ﴿٢٣﴾

وَٱلَّذِينَ فِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ﴿٢٤﴾

لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ ﴿٢٥﴾

وَٱلَّذِينَ يُصَدِّقُونَ بِيَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٢٦﴾

وَٱلَّذِينَ هُم مِّنْ عَذَابِ رَبِّهِم مُّشْفِقُونَ ﴿٢٧﴾

إِنَّ عَذَابَ رَبِّهِمْ غَيْرُ مَأْمُونٍ ﴿٢٨﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٢٩﴾

إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٣٠﴾

فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٣١﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٣٢﴾

وَٱلَّذِينَ هُم بِشَهَٰدَٰتِهِمْ قَآئِمُونَ ﴿٣٣﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٣٤﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ فِى جَنَّٰتٍ مُّكْرَمُونَ ﴿٣٥﴾

Gambaran manusia yang kosong dari iman seperti yang dilukiskan oleh Al-Qur'an (dalam ayat-ayat ini) adalah satu gambaran yang amat tepat dan seni. Ia menggambarkan siat-sifat semulajadi manusia iaitu sifat-sifat yang tidak dapat dihindari melainkan

dengan pertolongan keimanan yang menghubungkannya dengan Allah sebagai sumber ketenteraman yang dapat memeliharanya dari kegelisahan ketika menghadapi kesusahan, dan dapat memeliharanya dari kekikiran ketika ia memiliki kekayaan dan kesenangan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 21)

إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾

وَإِذَا مَسَّهُ ٱلْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya manusia itu diciptakan dengan tabi'at cepat gelisah(19). Apabila dia disentuh kemusnahan dia menjadi amat cemas(20). Dan apabila dia disentuh kesenangan dia menjadi amat kikir."(21)

Mengapa Insan Dikongkong Perasaan Gelisah Dan Tabi'at Kikir

Tiga ayat yang pendek ini memberi gambaran yang sungguh hidup. Ia menggambarkan manusia yang amat gelisah dan cemas bila disentuh kesusahan, seolah-olah kesusahan itu akan terus mencengkaminya buat selama-lamanya. Tiada lagi jalan keluar, tiada lagi perubahan yang dapat diharap dari Allah, kerana itu ia terus dimakan kegelisahan dan dikoyak-koyakkan oleh kecemasan. Semuanya ini berpunca kerana dia tidak berlindung pada tempat yang kukuh yang dapat mengotakan keazamannya dan dapat menggantungkan harapannya. Ia menggambarkan manusia yang kikir dan bakhil apabila ia mendapat kekayaan dan kesenangan. Dia mengira bahawa kekayaan dan kesenangan itu adalah semata-mata dari hasil usaha dan penat jerihnya kerana itu dia merasa begitu bakhil untuk ditumpahkannya kepada orang lain dan terus menyimpankan kekayaan itu untuk keni'matan dirinya sahaja. Kini dia menjadi hamba dan tawanan harta kekayaannya kerana dia tidak memahami hakikat rezeki dan hakikat peranannya di dalam rezeki itu. Dia tidak mengharapkan sesuatu yang lebih baik dari Allah kerana dia telah putus dari Allah dan hatinya kosong dari Allah. Di dalam menghadapi dua keadaan ini, dia selama-lamanya gelisah dan cemas iaitu gelisah dan cemas terhadap kesusahan, dan gelisah dan cemas terhadap harta kekayaannya. Itulah, gambaran manusia yang sungguh malang dan menderita apabila hatinya kosong dari iman.

Keimanan Adalah Sikap Jiwa, Cara Hidup Dan Kefahaman Yang Syumul

Dari sini jelaslah bahawa keimanan kepada Allah itu merupakan satu persoalan yang amat besar dalam kehidupan manusia. Keimanan bukannya kata-kata yang diucap dan bukannya lambang-lambang ibadat yang dilaksanakan, malah keimanan adalah satu keadaan atau sikap jiwa dan satu cara hidup dan satu kefahaman lengkap terhadap nilai-nilai, peristiwa-peristiwa dan keadaan-keadaan. Apabila hati manusia kosong dari teras keimanan itu, dia akan menjadi goyang dan goyah, dia akan dipermain-mainkan angin seperti bulu, dia sentiasa dilambung gelisah dan takut sama ada ditimpa kesusahan atau mendapat kekayaan dan kesenangan. Tetapi apabila hatinya dipenuhi iman, dia berada dalam ketenangan dan ketenteraman kerana dia berhubung rapat dengan Allah yang menentukan segala peristiwa dan keadaan. Dia tenang menerima taqdir-taqdir Allah, dia sedar terhadap rahmat dan kasihan belas Allah, dia menghargai ujian Allah, dia sentiasa mengharapkan pertolongan Allah untuk mendapatkan jalan keluar dari kesusahan yang dihadapinya. Dia membuat kebajikan dengan niat yang ikhlas kepada Allah, kerana dia sedar bahawa apa yang dibelanjakannya adalah dari rezeki yang dikurniai Allah, dan yakin bahawa dia akan diberi ganjaran yang baik terhadap perbelanjaan yang dikorbankan untuk Sabilullah sama ada di dunia atau di Akhirat. Keimanan mengeluarkan hasil yang menguntungkan di dunia sebelum seseorang itu mendapat balasan yang baik di Akhirat. Hasil keuntungannya di dunia terlaksana dalam bentuk meni'mati ketenangan, ketenteraman, kemantapan dan kestabilan di sepanjang pengembaraan hidup dunia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 26)

Kemudian Al-Qur'an menerangkan sifat orang-orang Mu'min yang dikecualikan dari menjadi korban kegelisahan:

إِلَّا ٱلْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾

ٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ دَآئِمُونَ ﴿٢٣﴾

"Kecuali mereka yang mendirikan solat(22). Yang tekun mengerjakan solat mereka."(23)

Sifat Solat Yang Menjadi Penawar Kegelisahan

Ibadat solat selain dari menjadi rukun Islam dan tanda keimanan, ia juga merupakan sarana perhubungan dengan Allah dan sarana mencari bekalan kekuatan dari-Nya. Solat

merupakan pernyataan dari perhambaan yang tulen, di mana terserlah, maqam Rububiyah dan maqam Ubudiyah dalam bentuk yang tertentu dan sifat *"Yang tekun mengerjakan solat mereka"* memberi gambaran solat yang didirikan dengan tetap dan berterusan, iaitu solat yang tidak diputuskan oleh ketinggalan, kecuaian dan kemalasan, solat yang membuat perhubungan yang terus menerus dengan Allah tanpa putus-putus. Kebiasaan Rasulullah s.a.w. apabila beliau mengerjakan sesuatu ibadat, beliau akan mengerjakan dengan tekun. Sabdanya:

وإن أحب الأعمال إلى الله تعالى ما دام وإن قل

Sesungguhnya amalan yang paling disukai Allah S.W.T ialah amalan yang dikerjakan dengan tekun sekalipun sedikit." [2]

Tujuannya supaya amalan ibadat mempunyai sifat-sifat yang tenteram, mantap, tekun dan tetap dalam perhubungan dengan Allah sesuai dengan kehormatan perhubungan itu sendiri bukannya suatu amalan main-mainan yang kadang-kadang dikerjakan dan kadang-kadang ditinggalkan mengikut selera.

وَٱلَّذِينَ فِيٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ٢٤

لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ ٢٥

"Dan mereka yang memperuntukkan sebahagian yang tertentu dari harta kekayaan mereka(24). Untuk orang yang meminta pertolongan dan orang yang susah."(25)

Penawar Untuk Mengubati Penyakit Bakhil

Yang dimaksudkan dengan peruntukan itu secara khususnya ialah zakat dan sedekah-sedekah yang tertentu kadarnya. Peruntukan ini merupakan suatu hak atau kewajipan di dalam harta kekayaan orang-orang Mu'min. Atau mungkin pula tujuannya lebih luas dan lebih besar dari ini lagi, iaitu mereka memperuntukkan sebahagian tertentu dari harta kekayaan mereka dengan kesedaran sebagai hak orang yang meminta bantuan dan orang-orang yang susah. Dengan ini mereka dapat membebaskan diri mereka dari sifat kikir dan tamak di samping membuat setiap yang berada merasa berkewajipan membantu yang tidak berada. Maksud **"Orang yang meminta"** ialah orang yang meminta bantuan dan pertolongan dan maksud **"Orang susah"** ialah orang yang susah, tetapi tidak menyatakan kesusahannya kepada orang lain dan tidak meminta pertolongan dari mereka atau orang yang susah kerana ditimpa bencana-bencana alam, tetapi dia menanggung kesusahan itu tanpa meminta bantuan orang lain.

Kesedaran bahawa orang-orang yang berada di dalam kesusahan itu mempunyai hak di dalam harta kekayaan seseorang Mu'min merupakan kesedaran terhadap ni'mat kesenangan yang dikurniakan Allah kepadanya dan kesedaran terhadap hubungan insaniyah sesama manusia di samping pembebasan diri dari belenggu tamak haloba. Sekaligus itu juga ia merupakan jaminan keselamatan sosial untuk memelihara perpaduan dan kerjasama umat Muslimin seluruhnya. Oleh itu, fardhu zakat mempunyai berbagai-bagai tujuan baik dalam alam dhamir mahupun dalam alam kenyataan. Ia disebut di sini sebagai salah satu dari sifat-sifat orang yang beriman dan salah satu dari siri perubatan untuk menghapuskan penyakit kikir dan tamak.

وَٱلَّذِينَ يُصَدِّقُونَ بِيَوْمِ ٱلدِّينِ ٢٦

"Dan mereka membenarkan hari balasan."(26)

Kesan Dari Kepercayaan Kepada Akhirat Dalam Cara Berfikir Seseorang

Sifat ini mempunyai hubungan secara langsung dengan pokok pembicaraan surah ini. Ia merupakan sifat orang yang beriman, kerana kepercayaan kepada Hari Balasan adalah separuh dari keimanan. Ia mempunyai implikasi positif dalam cara hidup seseorang baik dari segi kesedaran jiwanya mahupun dari segi pembawaan tingkah lakunya. Neraca di tangan orang yang beriman kepada Hari Balasan berlainan dari neraca di tangan orang yang mendustakan hari itu atau orang yang ragu-ragu terhadapnya, iaitu neraca hidup, nilai-nilai, amalan-amalan dan peristiwa-peristiwa. Orang yang beriman kepada Hari Balasan bekerja dan beramal dengan berpedomankan neraca samawi bukan neraca bumi dan dengan memperhitungkan hisab Akhirat bukan memperhitungkan hisab dunia. Dia menerima peristiwa-peristiwa di dunia sama ada baik atau buruk dan memperhitungkannya sebagai pendahuluan-pendahuluan sahaja sedangkan hasil-hasilnya yang sebenar yang akan diterimanya ialah di alam Akhirat, dan justeru itu dia hanya mengira hasil-hasil yang diharapkannya di Akhirat sahaja apabila ia menimbang dan menilaikan peristiwa-peristiwa itu. Tetapi orang yang tidak beriman kepada Hari Balasan memperhitungkan segala sesuatu mengikut apa yang berlaku kepadanya dalam kehidupan dunia yang pendek dan terbatas ini di mana dia bergerak dalam perbatasan-perbatasan bumi dan umurnya yang pendek ini sahaja, kerana itulah perhitungannya berlainan dan hasil pertimbangannya juga berlainan dan akhirnya ia mendapat hasil-hasil pertimbangan yang salah di samping terkepung di ruang tempat dan ruang zaman yang terbatas. Orang yang tidak beriman kepada Hari Balasan adalah seorang yang malang, terseksa dan gelisah kerana segala apa yang berlaku kepadanya dalam kehidupan dunia yang menjadi tumpuan perhatian, perhitungan dan penilaiannya itu kadang-kadang tidak menyenangkannya, kadang-kadang tidak adil dan kadang-kadang tidak rasional selama ia tidak menambahkannya dengan perhitungan nilai-nilai hidup Akhirat yang lebih besar dan kekal. Itulah punca keseksaan jiwa mereka yang tidak membuat perhitungan alam Akhirat atau punca keseksaan orang lain yang hidup di sekelilingnya. Dia tidak dapat menjalani hidup yang mulia dengan jujur jika ia tidak dapat melihat balasannya yang jelas di bumi ini. Kerana itulah kepercayaan kepada hari Akhirat merupakan separuh dari keimanan yang menjadi asas sistem hidup Islamiyah.

* * * * * *

---

[2] *Dari Hadith 'Aisyah. Dikeluarkan oleh Enam Pengumpul Hadith.*

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 28)

وَالَّذِينَ هُم مِّنْ عَذَابِ رَبِّهِم مُّشْفِقُونَ ﴿٢٧﴾

إِنَّ عَذَابَ رَبِّهِمْ غَيْرُ مَأْمُونٍ ﴿٢٨﴾

"Dan mereka yang takut kepada 'azab Tuhan mereka (27). Kerana sesungguhnya 'azab Tuhan mereka tidak wajar dirasakan aman." (28)

Sifat Peka Dan Takut Kepada Balasan Allah

Ini satu lagi darjah di sebalik kepercayaan kepada hari balasan iaitu darjah wujudnya perasaan yang peka, waspada dan hati-hati, darjah merasa taksir dan tidak sempurna melakukan keta'atan kepada Allah walaupun ia banyak mengerjakan amal ibadat, darjah wujudnya perasaan takut terpesong dari jalan Allah dan mendapat balasan seksanya pada bila-bila waktu dan darjah wujudnya perasaan yang sentiasa mengharapkan perlindungan dan pemeliharaan dari Allah.

Rasulullah s.a.w., walaupun beliau diutuskan Allah, walaupun beliau tahu bahawa beliau telah dipilih dan dipeliharakan Allah, namun beliau sentiasa takut kepada 'azab Allah, kerana beliau yakin bahawa amalannya sahaja tidak dapat melindunginya dan tidak dapat memasukkannya ke dalam Syurga melainkan dengan limpah kurnia dan rahmat dari Allah. Beliau telah bersabda kepada sahabatnya:

لن يدخل الجنة أحداً عمله ، قالوا : ولا أنت يا رسول الله ؟ قال : ولا أنا إلا أن يتغمدني الله برحمته.

"Amalan seseorang itu tidak akan dapat memasukkannya ke dalam Syurga." Lalu mereka berkata: "Walaupun anda sendiri, wahai Rasulullah?" Jawab beliau: "Ya. Walaupun aku sendiri kecuali Allah lindungiku dengan rahmat-Nya."

(Diriwayatkan al-Bukhari, Muslim dan an-Nasa'i)

Firman-Nya yang berikut:

إِنَّ عَذَابَ رَبِّهِمْ غَيْرُ مَأْمُونٍ ﴿٢٨﴾

"Kerana sesungguhnya 'azab Tuhan mereka tidak wajar dirasakan aman"(28)

menyarankan supaya adanya kepekaan yang berterusan, tidak lalai walau sesa'at pun. Kadang-kadang maksiat-maksiat yang mewajibkan 'azab Allah itu berlaku di sa'at kelalaian dan menyebabkan seseorang itu mendapat 'azab. Allah hanya menuntut supaya manusia selalu berwaspada dan peka, dan andainya dalam kewaspadaan itu ia dikalahkan juga oleh kelemahan-kelemahannya, maka rahmat Allah tetap terbuka luas dan keampunan-Nya tetap hadir menunggunya, kerana pintu taubat tidak berkunci. Inilah asas pertimbangan dalam Islam di antara kelalaian dan kegelisahan. Islam bukan kelalaian dan bukan pula kegelisahan. Kedudukan hati yang sentiasa berhubung dengan Allah tetap berwaspada dan menaruh harapan kepada Allah, tetap takut dan inginkan keampunan Allah dan tetap yakin kepada rahmat-Nya pada setiap keadaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 31)

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٢٩﴾

إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٣٠﴾

فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٣١﴾

"Dan mereka yang memelihara anggota kelamin mereka (29). Melainkan dengan isteri-isteri mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak tercela(30). Oleh itu, siapa yang mencari keni'matan (seks) melebihi batas itu, maka mereka adalah pelampau-pelampau."(31)

Dasar Hubungan Seks Yang Halal

Ayat ini menyarankan kebersihan diri dan kebersihan kelompok Muslimin. Islam mahukan sebuah masyarakat yang bersih, suci, jelas dan terang iaitu sebuah masyarakat yang dapat dilaksanakan segala fungsinya yang terpenting, sebuah masyarakat yang memenuhi keinginan semulajadi, tetapi bukan dengan cara melulu yang menepikan perasaan malu dan aib dan bukan dengan putarbelit yang membunuh sifat terus terang yang bersih, sebuah masyarakat yang berasaskan kekeluargaan yang halal, kukuh dan berasaskan rumahtangga yang terang iaitu masyarakat yang setiap anak mengenal bapanya dan tidak malu ia dilahirkan ke dunia, bukan kerana sifat malu telah tercabut dari muka dan hati, tetapi kerana hubungan kelamin dalam masyarakat itu dilakukan dengan asas yang suci, terang, terikat dalam hubungan perkahwinan yang panjang masanya dan bermatlamat untuk memenuhi kewajipan insaniyahnya dan kewajipan kemasyarakatan, bukan semata-mata untuk memuaskan hawa nafsu kebinatangan dan keinginan seks.

Kerana itulah Al-Qur'an menyebut di antara sifat-sifat Mu'min dalam surah ini ialah:

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٢٩﴾

إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٣٠﴾

فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٣١﴾

"Dan mereka yang memelihara anggota kelamin mereka (29). Melainkan dengan isteri-isteri mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak tercela(30). Oleh itu, siapa yang mencari keni'matan (seks) melebihi batas itu, maka mereka adalah pelampau-pelampau."(31)

Wanita-wanita Yang Dijadikan Abdi

Ayat ini menjelaskan kebersihan hubungan dengan isteri-isteri dan hamba-hamba sahaya yang dimiliki dan wujud dengan satu sebab yang halal. Satu-satunya sebab yang halal yang diakui oleh Islam ialah wanita-wanita itu ditawan di dalam peperangan Sabilullah iaitu satu-satunya peperangan yang dibenarkan oleh Islam. Nasnya yang menjadi dasar hukum tawanan itu adalah tersebut di dalam Surah Muhammad:

فَإِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَضَرْبَ ٱلرِّقَابِ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَثْخَنتُمُوهُمْ فَشُدُّوا۟ ٱلْوَثَاقَ فَإِمَّا مَنًّۢا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَآءً حَتَّىٰ تَضَعَ ٱلْحَرْبُ أَوْزَارَهَا

"Apabila kamu bertempur dengan orang-orang kafir, maka hendaklah kamu pancungkan leher mereka sehingga apabila kamu telah dapat menghalangkan mereka maka hendaklah kamu (tawankan mereka) dan ikatkan mereka dan setelah itu bolehlah kamu bebaskan mereka atau menerima tebusan sehingga peperangan itu berhenti."

(Surah Muhammad: 4)

Tetapi kadang-kadang setengah-setengah tawanan itu tertinggal iaitu tidak dibebas dan tidak dibayar tebusan kerana sebab-sebab yang wujud pada masa itu, maka mereka dikira sebagai hamba sahaya jika pihak musuh memperhambakan tawanan-tawanan Islam dengan apa sahaja bentuk perhambaan walaupun mereka tidak menamakannya dengan nama perhambaan. Ketika inilah sahaja Islam mengharuskan wanita-wanita hamba yang tertawan itu disetubuhi oleh tuanmasnya sahaja. Di samping itu Islam menjadikan pembebasan mereka bergantung kepada berbagai-bagai cara yang disyarakkan untuk menghapuskan perhambaan itu. Islam tetap berpegang teguh dengan dasarnya yang terang dan bersih. Islam tidak membiarkan tawanan-tawanan wanita dalam percampuran seks yang kotor dan bebas tanpa peraturan seperti yang berlaku kepada tawanan-tawanan wanita di dalam peperangan-peperangan zaman dahulu dan sekarang. Islam tidak menyamar-nyamar dan tidak berbelit-belit dengan menamakan wanita-wanita itu sebagai wanita-wanita merdeka sedangkan mereka sebenarnya hamba sahaya.

فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٣١﴾

"Oleh itu siapa yang mencari keni'matan (seks) melebihi batas itu, maka mereka adalah pelampau-pelampau."(31)

Dengan ayat ini Islam menutup pintu kepada segala kekotoran seks baik dalam apa bentuk sekalipun melainkan melalui dua saluran yang terang itu sahaja. Islam tidak memandang kotor kepada fungsi seks semulajadi, ia hanya memandang kotor kepada penyelewengan-penyelewengannya sahaja, kerana Islam bersih, terang dan lurus.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 33)

Menepati Janji Dan Memelihara Amanah Sifat Utama Mu'minin

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٣٢﴾

"Dan mereka yang memelihara amanah-amanah dan janji-janji mereka."(32)

Ayat ini merupakan asas-asas akhlak dan di atas asas-asas inilah Islam menegakkan peraturan masyarakatnya. Pemeliharaan amanah-amanah dan janji-janji itu adalah bermula dari pemeliharaan amanah agung yang ditawarkan Allah kepada langit dan bumi, kemudian kedua-duanya enggan dan takut untuk memikulkannya kecuali manusia sahaja yang sanggup memikulnya, iaitu amanah 'aqidah dan kesanggupan menjunjungkannya dengan penuh kejujuran dan dengan penuh kerelaan hati bukannya dengan terpaksa. Pemeliharaan janji-janji itu juga lahir dari pemeliharaan janji manusia yang pertama semasa mereka masih berada dalam sulbi-sulbi, di mana mereka mengaku bahawa Allah itulah Tuhan mereka Yang Maha Esa. Malah dari pemeliharaan amanah-amanah dan janji-janji inilah lahirnya pemeliharaan segala amanah dan janji di dalam semua mu'amalah dalam kehidupan dunia. Islam amat menekankan pemeliharaan amanah dan janji dan mengulang-ngulangkan saranannya dengan tegas supaya masyarakat dapat dibangunkan di atas asas-asas akhlak dan kepercayaan yang kukuh. Islam menjadikan sifat memelihara amanah dan janji sebagai sifat jiwa yang beriman sebagaimana Islam jadikan sifat mengkhianati amanah dan memungkiri janji itu sebagai sifat jiwa yang munafiq dan kafir. Hakikat ini dijelaskan di berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'an dan as-Sunnah. Ini tidak syak lagi menunjukkan betapa pentingnya sifat ini dalam tradisi Islam.

وَٱلَّذِينَ هُم بِشَهَٰدَٰتِهِمْ قَآئِمُونَ ﴿٣٣﴾

"Dan mereka yang memberi kesaksian dengan jujur."(33)

Kesediaan Menjadi Saksi Yang Benar

Allah telah menghubungkan kewajipan memberi kesaksian itu dengan berbagai-bagai hak, malah Allah hubungkannya dengan hukum-hukum hudud Allah yang dijalankan dengan berdasarkan kesaksian, kerana itulah Allah menekankan kewajipan memberi kesaksian dan mengingatkan mereka supaya jangan mengelak diri dari kewajipan itu, dan jangan menyembunyikan kesaksian itu ketika diadakan perbicaraan. Kewajipan memberi kesaksian ialah memberi keterangan dengan benar tanpa berat sebelah dan tanpa pemesongan. Allah jadikan pemberian kesaksian itu mempunyai hubungan yang rapat dengan keta'atan kepada-Nya. Firman-Nya:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلشَّهَٰدَةَ لِلَّهِ

"Dan tunaikanlah kesaksian itu kerana Allah."

(Surah at-Talaq: 2)

Di dalam surah ini Allah jadikan sifat kesediaan memberi kesaksian sebagai salah satu dari sifat-sifat orang Mu'min dan salah satu dari amanah-amanah yang wajib dipelihara. Ia disebutkan khusus di dalam surah ini untuk menunjukkan betapa pentingnya sifat itu.

Jika mendirikan solat disebut oleh Al-Qur'an di permulaan ayat sebagai sifat pertama orang yang beriman, maka Al-Qur'an juga menyebutkan solat sekali lagi pada akhir ayat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 35)

Konsep Mendirikan Solat Dengan Tekun Berlainan Dari Konsep Memelihara Solat

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٣٤﴾

"Dan mereka yang memelihara solat mereka."(34)

Sifat memelihara solat berlainan dengan sifat tekun mengerjakan solat yang disebutkan di awal sifat-sifat orang yang beriman itu, kerana memelihara solat bererti memelihara waktu-waktunya, memelihara segala yang fardhu dan segala yang sunat, memelihara segala sunat hai'ahnya dan memelihara roh solat ketika mendirikannya. Oleh itu, mereka tidak mengabai dan mencuaikan solat kerana malas dan tidak pula mensia-siakan solat dengan mengerjakannya tanpa mengikut peraturan-peraturannya yang sempurna. Persoalan solat yang disebutkan di awal dan di akhir ayat menyarankan agar solat diberi perhatian yang berat, dan dengan ayat ini berakhirlah penjelasan tentang sifat-sifat orang yang beriman.

Kemudian ia menjelaskan kesudahan golongan orang-orang Mu'min sesudah menjelaskan kesudahan golongan orang-orang kafir sebelum ini:

أُولَٰئِكَ فِي جَنَّاتٍ مُكْرَمُونَ ﴿٣٥﴾

"Mereka semuanya akan dimuliakan di dalam syurga-syurga."(35)

Ayat yang pendek ini mengumpulkan dua jenis ni'mat iaitu ni'mat fizikal dan ni'mat rohaniyah yang dini'mati mereka dalam Syurga. Mereka juga akan mendapat penghormatan di samping mendapat kelazatan ni'mat fizikal sebagai balasan terhadap budi pekerti mereka yang luhur yang menjadi ciri-ciri orang-orang yang beriman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 39)

Perhimpunan Yang Bermotif Jahat

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pula salah satu dari pemandangan da'wah di Makkah yang menunjukkan kaum Musyrikin tergesa-gesa berkumpul mengerumuni Rasulullah s.a.w. yang sedang membaca Al-Qur'an. Mereka datang berpuak-puak mengelilingi beliau. Lalu Allah kecamkan kedatangan dan perhimpunan mereka yang terburu-buru itu kerana perhimpunan itu bukan bertujuan untuk mencari hidayat dari bacaan Rasulullah s.a.w. yang didengar oleh mereka:

فَمَالِ الَّذِينَ كَفَرُوا قِبَلَكَ مُهْطِعِينَ ﴿٣٦﴾
عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشِّمَالِ عِزِينَ ﴿٣٧﴾

"Mengapakah orang-orang yang kafir itu tergesa-gesa menuju ke arahmu?(36). Berpuak-puak dari kanan dan kiri?"(37)

Ayat ini secara mengejek menyatakan kehairanan terhadap pergerakan dan perhimpunan mereka yang sedemikian rupa sambil mempersoalkan tujuannya. Mereka datang dengan langkah-langkah yang cepat menuju ke tempat Rasullullah s.a.w. bukan untuk mendengar dan mencari hidayat, tetapi semata-mata untuk menonton dengan perasaan pelik dan aneh, dan setelah itu mereka bersurai dan berkumpul di sana sini seraya berbisik-bisik untuk merancangkan tindakan-tindakan jahat dan untuk menjawab bidasan-bidasan Al-Qur'an yang didengar mereka.

Mengapa mereka berbuat demikian?

أَيَطْمَعُ كُلُّ امْرِئٍ مِنْهُمْ أَنْ يُدْخَلَ جَنَّةَ نَعِيمٍ ﴿٣٨﴾

"Apakah setiap orang dari mereka ingin dimasukkan ke dalam Syurga?"(38)

Pada hal apa yang dilakukan mereka tidak akan membawa mereka ke Syurga, malah akan membawa mereka ke Neraka tempat kediaman sekalian orang yang berdosa, atau apakah mereka menyangka bahawa diri mereka merupakan sesuatu yang sangat mulia di sisi Allah sedangkan mereka tidak beriman kepada-Nya dan melakukan penindasan-penindasan terhadap Rasul-Nya? Mereka mendengar Al-Qur'an tetapi secara rahsia mereka merancangkan tipu muslihat yang jahat. Adakah mereka fikir dengan perbuatan-perbuatan itu mereka berhak untuk memasuki Syurga dengan anggapan kerana mereka mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah?

كَلَّا ۖ إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِمَّا يَعْلَمُونَ ﴿٣٩﴾

"Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Kami ciptakan mereka dari bahan yang mereka ketahui."(39)

Ya! Mereka memang tahu dari bahan apakah mereka diciptakan. Mereka memang tahu bahawa mereka diciptakan dari air mani yang hina. Ungkapan Al-Qur'an yang indah memberi satu cubitan yang amat mendalam dan menyapu bersih segala perasaan sombong mereka dan menghapuskan segala keangkuhan mereka tanpa mengeluarkan sepatah kata kesat atau satu ungkapan tajam yang melukakan hati. Isyarat yang sekilas itu telah menggambarkan kehinaan, kekerdilan dan kemurahan nilai mereka

dengan gambaran yang paling sempurna. Bagaimana mereka bercita-cita hendak masuk Syurga yang penuh ni'mat sedangkan mereka tidak beriman kepada Allah dan bertindak jahat? Mereka telah diciptakan dari bahan yang mereka tahu. Mereka begitu rendah dan hina di sisi Allah untuk menunjukkan keberanian dan kebebasan mereka terhadap Allah dan untuk mengubahkan undang-undang-Nya yang adil yang membalas dengan Neraka dari Syurga itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 40 - 41)

Allah Berkuasa Menukarkan Satu Kaum Dengan Satu Kaum Yang Lebih Baik

Untuk terus memperkecil-kecilkan mereka dan menumbangkan keangkuhan mereka, Allah menjelaskan bahawa Dia berkuasa menjadikan kaum yang lebih baik dari mereka dan mereka tidak akan dapat melemahkan Allah hingga mereka dapat menghindarkan diri dari menerima balasan pedih yang wajar untuk mereka:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِرَبِّ ٱلۡمَشَٰرِقِ وَٱلۡمَغَٰرِبِ إِنَّا لَقَٰدِرُونَ ﴿٤٠﴾

عَلَىٰٓ أَن نُّبَدِّلَ خَيۡرٗا مِّنۡهُمۡ وَمَا نَحۡنُ بِمَسۡبُوقِينَ ﴿٤١﴾

"Oleh itu, Aku tidak perlu bersumpah denganTuhan yang memiliki arah-arah Timur dan arah-arah Barat, bahawa sesungguhnya Kami amat berkuasa(40). Untuk menggantikan mereka dengan umat yang lebih baik dari mereka dan Kami tidak sekali-kali dapat dilemahkan."(41)

Perkara ini tidak memerlukan sumpah tetapi pernyataan Al-Qur'an yang menyebut arah-arah Timur dan arah-arah Barat membayangkan keagungan Allah Tuhan Pencipta. Arah-arah Timur dan arah-arah Barat mungkin dimaksudkan dengan arah-arah terbit terbenamnya bintang-bintang di angkasa raya yang amat luas itu, dan mungkin juga dimaksudkan dengan pusingan terbit dan terbenamnya matahari yang bersilih ganti di bumi di setiap sa'at, kerana dalam setiap sa'at bumi berpusing di sekeliling dirinya di hadapan matahari, maka setiap sa'at yang sama muncul arah Timur dan hilang arah Barat.

Walau apa sahaja maksud dari arah-arah Timur dan arah-arah Barat itu namun ia tetap mengilhamkan kepada hati betapa besarnya alam ini dan betapa agungnya Allah yang menciptakan alam ini. Oleh itu, adakah makhluk-makhluk yang dijadikan dari bahan hina yang diketahui mereka itu memerlukan kepada sumpah dengan nama Tuhan yang memiliki arah-arah Timur dan arah-arah Barat untuk menegaskan kepada mereka bahawa Allah itu berkuasa menjadikan umat yang lebih baik dari mereka dan bahawa mereka tidak akan dapat melarikan diri dari hukuman yang telah ditetapkan kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 44)

Orang-orang Kafir Menemui Kesudahan Hidup Mereka Yang Malang

Setelah menggambarkan kedahsyatan 'azab pada hari balasan di mana terserlah kemuliaan orang-orang yang beriman yang dikurniakan berbagai-bagai ni'mat dan terserlah kehinaan kedudukan orang-orang kafir, maka ayat-ayat yang berikut ditujukan pula kepada Rasulullah s.a.w. supaya meninggalkan orang-orang yang kafir itu menemui hari dan 'azab yang telah dijanjikan kepada mereka, dan melukiskan satu pemandangan yang menggambarkan keadaan mereka yang malang itu:

فَذَرۡهُمۡ يَخُوضُواْ وَيَلۡعَبُواْ حَتَّىٰ يُلَٰقُواْ يَوۡمَهُمُ ٱلَّذِي يُوعَدُونَ ﴿٤٢﴾

يَوۡمَ يَخۡرُجُونَ مِنَ ٱلۡأَجۡدَاثِ سِرَاعٗا كَأَنَّهُمۡ إِلَىٰ نُصُبٖ يُوفِضُونَ ﴿٤٣﴾

خَٰشِعَةً أَبۡصَٰرُهُمۡ تَرۡهَقُهُمۡ ذِلَّةٞۚ ذَٰلِكَ ٱلۡيَوۡمُ ٱلَّذِي كَانُواْ يُوعَدُونَ ﴿٤٤﴾

"Biarkanlah mereka mengharungi kebatilan dan bermain-main sehingga mereka menemui hari mereka yang telah dijanjikan kepada mereka(42). Iaitu hari mereka keluar dari kubur dengan tergesa-gesa seolah-olah mereka menuju kepada berhala-berhala yang disembahkan mereka(43). Sedangkan mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan. Itulah hari yang telah dijanjikan kepada mereka."(44)

Ayat ini memperkecilkan keadaan mereka dan mengancam mereka dengan 'azab dan keseksaan yang menimbulkan ketakutan. Pemandangan pergerakan dan keadaan mereka pada hari itu memang mengerikan. Gaya ungkapan ayat itu sendiri mengandungi ejekan dan penghinaan yang setimpal dengan sifat mereka yang angkuh dan sombong dengan pangkat kedudukan mereka.

Mereka yang keluar dari kubur itu masing-masing berjalan dengan langkah-langkah yang cepat seolah-olah hendak pergi ke tempat berhala-berhala yang disembah mereka. Ungkapan ini merupakan satu ejekan yang sesuai dengan keadaan mereka dalam kehidupan dunia, di mana mereka segera keluar menuju ke tempat-tempat berhala pada hari-hari kebesaran untuk berkumpul di sekelilingnya. Dan pada Hari Qiamat ini juga mereka akan keluar tergesa-gesa, tetapi perbezaan di antara hari itu dengan hari ini adalah terlalu jauh.

خَٰشِعَةً أَبۡصَٰرُهُمۡ تَرۡهَقُهُمۡ ذِلَّةٞۚ

"Mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan."(44)

Itulah gambaran air muka mereka yang jelas pada hari itu, iaitu gambaran hina dina dan menderita. Di

dunia dulu mereka sibuk bermain-main dengan riang gembira, tetapi pada hari ini mereka kelihatan hina-dina dan letih-lesu.

ذَٰلِكَ ٱلْيَوْمُ ٱلَّذِى كَانُوا۟ يُوعَدُونَ ﴿٤٤﴾

"Itulah hari yang telah dijanjikan kepada mereka."(44)

Tetapi dahulu mereka meragui hari itu. Mereka dustakannya dan mereka mengejek-ngejek minta disegerakan kedatangannya.

* * * * * *

Dengan ini berlakulah titik pertemuan di antara ayat-ayat bahagian awal dengan ayat-ayat bahagian akhir dan selesailah babak pembicaraan ini sebagai salah satu babak dari babak-babak pembicaraan yang panjang mengenai persoalan kebangkitan semula dan persoalan balasan di Akhirat. Dan dengan ini berakhirlah satu pusingan dari pusingan-pusingan pertentangan yang panjang di antara kefahaman jahiliyah dengan kefahaman Islam.

* * * * * *